



**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang masih sah di bawah kod bidang yang berkaitan serta pemborong juga hendaklah berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** dan **Majlis Daerah Kuala Selangor** bagi kerja-kerja seperti berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
1.	MEMBAIKPULIH BADAN DAN LANTAI LORI, MENGETUK DAN MENGECAT BADAN KENDERAAN SERTA KERJA YANG BERKAITAN UNTUK KENDERAAN JENIS LORI HINO WLU 4263, JABATAN KESIHATAN & PERSEKITARAN, MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (TAWARAN SEMULA) No. Sebutharga : SH 124/2019	220108 (Perkhidmatan – Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan – Kerja-Kerja Mengetuk Dan Mengecat) Dan 220105 (Perkhidmatan - Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan - Kenderaan Melebihi 3 Ton)	Mulai 05.12.2019 Hingga 11.12.2019	RM 50.00	12.12.2019 (jam 12 t/hari)
2.	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBAIKAN TERMASUK KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAYAR BAGI KENDERAAN DAN JENTERA MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (TAWARAN SEMULA) No. Sebutharga : SH 148/2019	220104 (Perkhidmatan - Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan - Kenderaan Bawah 3 Ton) Dan 220105 (Perkhidmatan - Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan – Kenderaan Melebihi 3Ton) Dan 220113 (Perkhidmatan - Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan- Membaik Pulih Tayar (Tidak Perlu Lawatan Pengesahan)	Mulai 05.12.2019 Hingga 11.12.2019	RM 70.00	12.12.2019 (jam 12 t/hari)

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga **boleh dibeli secara online melalui laman web <https://iservices.mdks.gov.my>** bermula 5 Disember 2019 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu mengemukakan salinan **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa menghantar dokumen tawaran sebut harga. Sila kemukakan juga salinan pendaftaran syarikat dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** serta salinan penyata bulanan bank (tiga bulan) yang terkini dan telah disahkan bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor di di **Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor sebelum atau pada 12 Disember 2019 , jam 12.00 tengahari.**

Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.



.....
(**RAHILAH BINTI RAHMAT A.M.S.)**
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor
QS/akrm/iklan st/031219

Tarikh : **4** Disember 2019